



Rujukan : UKM.KPD.ODL. 500-4/2/2

Tarikh : 16 Oktober 2023

## Semua Pelajar ODL

Semester 1 Sesi Akademik 2023-2024

Tuan/Puan

### PENGESAHAN KURSUS SEMESTER 1 SESI AKADEMIK 2023-2024

Merujuk kepada perkara di atas, dimaklumkan bahawa Minggu **Peperiksaan Akhir/Penilaian Akhir** bagi Program *Open & Distance Learning* (ODL) Semester 1 Sesi Akademik 2023-2024 adalah bermula pada **11 Disember 2023 hingga 17 Disember 2023**. Kaedah pelaksanaan pentaksiran bagi setiap kursus akan dimaklumkan oleh pensyarah kursus masing-masing.

Sehubungan itu, Tuan/Puan dikehendaki membuat pengesahan kursus bagi Semester 1 Sesi Akademik 2023-2024 melalui **SMPE** mulai **6 November 2023 hingga 12 November 2023 (Minggu ke – 9)**. Sila tekan butang **SAH** sekiranya senarai kursus yang telah didaftarkan di SMPE adalah betul.

Sekiranya Tuan/Puan tidak membuat pengesahan atau pembetulan terhadap maklumat kursus, maka segala butiran kursus yang dicatatkan akan dianggap betul dan lengkap. Butiran ini akan digunapakai bagi proses persediaan peperiksaan/penilaian akan datang.

Pelajar yang gagal membuat pengesahan kursus dalam tempoh masa yang ditetapkan akan dikenakan denda sebanyak **RM50.00**. Oleh itu, Tuan/Puan dikehendaki mengambil perhatian dan tindakan sewajarnya bagi memastikan penilaian kursus yang didaftarkan pada semester ini berjalan dengan lancar.

Sekian, Terima Kasih.

*Ardilla*

### ARDILLA MUHAMMAD ASRI

Penolong Pendaftar

Bahagian Perkembangan dan Pembangunan Program ODL (Bahagian ODL)

s.k:

- Penyelaras Program ODL
- Ketua Bahagian ODL

